



SIARAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

SWCorp PERKUKUH PENGUATKUASAAN: DUA PESALAH PERTAMA DIHUKUM PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT BAGI KESALAHAN MEMBUANG SAMPAH KECIL

JOHOR BAHRU, 23 Januari 2026 – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) hari ini mencatat satu perkembangan penting dalam usaha memperkukuh penguatkuasaan undang-undang kebersihan negara apabila dua individu menjadi pesalah pertama dikenakan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bagi kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam. Kedua-dua pesalah yang merupakan warga asing, seorang lelaki berusia 28 tahun dan seorang wanita berusia 49 tahun telah didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan membuang puntung rokok dan botol plastik di kawasan awam sekitar Jalan Stulang Laut, Johor Bahru.

Kesalahan tersebut adalah di bawah Seksyen 77A(1), Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang memperuntukkan hukuman di bawah subseksyen 77A(2). Selain itu, mahkamah turut boleh mengenakan Perintah Khidmat Masyarakat di bawah subseksyen 77B(1) akta yang sama sebagai hukuman tambahan.

Bagi kes pertama yang melibatkan pesalah wanita warganegara Indonesia, mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM500.00 dan sekiranya gagal membayar denda tersebut, pesalah boleh dipenjarakan selama 15 hari. Mahkamah turut memerintahkan pesalah menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama enam (6) jam dalam tempoh enam (6) bulan, dengan pelaksanaan maksimum dua (2) jam sehari bermula dari tarikh perintah dikeluarkan.

Bagi kes kedua yang melibatkan pesalah lelaki warganegara Bangladesh, pertuduhan telah dibacakan di hadapan orang kena saman (OKS). Walau bagaimanapun, OKS tidak memahami Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris dan telah memohon khidmat penterjemah. Mahkamah membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan tarikh sebutan semula pada 28 Januari 2026 selain membenarkan jaminan sebanyak RM1,000.00 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia.

Kes ini merupakan kes pertama di Malaysia melibatkan pelaksanaan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat bagi kesalahan membuang sampah kecil sejak peruntukan tersebut dikuatkuasakan secara rasmi bermula 1 Januari 2026.

Manakala sebanyak 13 kes lagi telah dijadualkan untuk sebutan kes antara 26 Januari 2026 hingga 16 Februari 2026 melibatkan Mahkamah Sesyen Pengerang, Temerloh, Sungai Petani, Alor Setar, Seremban dan Mahkamah Sesyen Jenayah Kuala Lumpur. Kes-kes ini melibatkan 13 pesalah lelaki terdiri daripada warganegara tempatan dan warga asing termasuk dari Indonesia, Nepal dan Singapura.

Sehingga 22 Januari 2026, SWCorp telah mengeluarkan sebanyak 418 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) di tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta 672 bagi pelbagai kesalahan berkaitan kebersihan awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 315 kes melibatkan warganegara tempatan manakala 103 kes melibatkan warganegara asing. Sebanyak 99 kes telah memperoleh izin dakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dengan 15 kes telah ditetapkan tarikh sebutan di mahkamah. Statistik ini mencerminkan pendekatan penguatkuasaan yang tegas, konsisten serta berlandaskan peruntukan undang-undang yang sedang dilaksanakan secara menyeluruh oleh SWCorp.

Sebagai persediaan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat, SWCorp telah melaksanakan simulasi operasi yang merangkumi keseluruhan aliran kerja termasuk penyampaian makluman kepada pesalah, penyelarasan tugas, penggunaan peralatan keselamatan, pemantauan pelaksanaan serta penyediaan laporan kepada mahkamah. Langkah ini bertujuan memastikan setiap hukuman dapat dilaksanakan secara teratur, selamat dan mematuhi kehendak perundangan, di samping

menerapkan nilai tanggungjawab sosial dalam kalangan pesalah terhadap kebersihan persekitaran.

Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Tuan Khalid bin Mohamed dalam kenyataannya menegaskan bahawa tindakan mahkamah pada hari ini bukan semata-mata bertujuan menghukum, sebaliknya sebagai mesej jelas kepada masyarakat bahawa perbuatan membuang sampah walaupun berskala kecil, tidak lagi dipandang ringan.

Beliau turut menegaskan bahawa SWCorp tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan kebersihan awam dan akan terus mempergiatkan penguatkuasaan secara bersepadu di seluruh negara. Pendekatan ini diyakini mampu menjadi langkah pencegahan yang berkesan serta membentuk perubahan sikap masyarakat terhadap pengurusan sisa.

Seiring dengan itu, orang ramai digesa untuk memainkan peranan bersama dengan melaporkan sebarang kesalahan berkaitan kebersihan kepada SWCorp melalui talian WhatsApp 013-210 7472 atau Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di <https://swcorp.spab.gov.my> bagi memastikan persekitaran Malaysia kekal bersih, indah dan sejahtera.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 23 Januari 2026

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

e-mel: sumatra@swcorp.my